

# Pengerusi LPU UMS alu-alukan lantikan Naib Canselor baharu, Prof. Dr. Taufiq

NST 1.8.2019 3

KOTA KINABALU: Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah (UMS), K Y Mustafa (gambar) mengalu-alukan pelantikan Naib Canselor UMS yang baharu, Prof. Dr. Taufiq Yap Yun Hin yang dilantik menjawat jawatan itu berkuatkuasa Selasa (30 Julai 2019).

Katanya, berdasarkan kepada pengalaman dan pencapaian Prof Dr Taufiq, beliau yakin kecemerlangan universiti semasa di bawah legasi kepimpinan Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin serta Naib-naib Canselor terdahulu akan terus berkesinambungan.

"Saya percaya dengan keupayaan dan pengalaman yang dimiliki beliau mampu memacu kecemerlangan universiti ini di persada nasional dan antarabangsa dalam pelbagai aspek, termasuk dalam merealisasikan agenda UMS untuk menghasilkan graduan future-proof demi menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0.

"Saya bagi pihak warga UMS merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas di



atas pelantikan ini," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

K Y turut merakamkan penghargaan kepada Dr. Kamarudin, atas khidmat bakti yang dicurahkan kepada UMS sepanjang menggalas amanah selaku Naib Canselor dari Jun 2017 hingga Julai 2019.

"Prof. Datuk Dr. Kamarudin telah menunjukkan kepimpinan yang baik dengan pelbagai pencapaian termasuk berjaya membawa universiti ini buat pertama kalinya tersenarai di dalam QS World Ranking 2020 sebagai 1,000 universiti terbaik dunia.

"Saya ingin mengucapkan selamat maju jaya, dan semoga sukses selalu," katanya.

Untuk rekod, pelantikan Prof. Dr. Taufiq telah diumumkan Kementerian Pendidikan Malaysia pada 27 Julai dan akan berkuatkuasa selama tiga tahun hingga 29 Julai 2022.

Berasal dari Kota Kinabalu Sabah, Prof. Dr. Taufiq, 51, merupakan Profesor di Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan memperoleh Ijazah Kedoktoran dari University of Manchester Institute of Science and Technology, United Kingdom dalam bidang Heterogeneous Catalysis.

Beliau terlibat aktif dalam pelbagai penulisan jurnal akademik, konferens dan prosiding serta mempunyai jaringan kolaboratif yang luas di peringkat antarabangsa dan pernah dilantik sebagai Felo di The Royal Society of Chemistry, United Kingdom pada tahun 2008 dan Visiting Researcher/Professor di beberapa universiti terkemuka luar negara.